

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

AMP344 – PENGIKLANAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB** dan pilih **SATU (1)** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

Soalan 1

Anda adalah Pengarah Media untuk agensi pengiklanan, Ceria-Mart Sendiran Berhad dan baru sahaja selesai membentangkan strategi media kepada Murtabak Ghaffor, sebuah syarikat Prancis makanan. Syarikat ini mempunyai rangkaian restoran disetiap bandar utama di Malaysia. Semasa soal jawab, Encik Ghaffor menyoal anda, “Kita semua tahu bahawa kesetiaan terhadap saluran TV bukan seperti 10 tahun yang lalu. Dengan adanya saluran-saluran tambahan seperti ASTRO, MEGA TV, NT7, dan penggunaan peralatan VCD dan DVD telah menyumbang kepada kuncupan jumlah penonton disetiap saluran media. Tapi kos pembiayaan iklan TV tetap meningkat. Adakah anda masih merasai bahawa TV sebagai media utama untuk syarikat kami?”. Bagaimana anda akan menagangni isu ini?

[25 markah]

Soalan 2

BIOTEK-USM, sebuah syarikat penyelidikan genetik, mempunyai misi korporat untuk menjadi syarikat terunggul dalam penyelidikan genetik dan pembangunan industri kesihatan. BIOTEK-USM yang dimiliki oleh pihak perseorangan, membuat keputusan untuk mengapungkan saham di BSKL.

- (a) Bagaimanakah pengiklanan secara korporat dapat membantu BIOTEK-USM dalam missinya?

[15 markhah]

...2/-

(b) Siapakah sasaran pasaran/penonton yang patut diutamakan dalam program komunikasinya?

[5 markah]

(c) Perlukah BIOTEK-USM mengadakan lebih daripada satu kempen?

[5 markah]

Soalan 3

Salmah dan Ahmad pasangan suami isteri telah memperolehi perniagaan francais YOGURT dari pemegang francais, YOGURT Malaysia Sdn.Bhd. Mereka telah menyewa kedai di Kompleks Bukit Jambul, tetapi bebanan kos francais, sewaan, dan lain-lain, menyebabkan mereka kekurangan sumber untuk aktiviti-aktiviti pengiklanan dan promosi. Dengan sumber kewangan yang terhad, mereka hanya dapat memilih salah satu daripada opsiyen yang ada :

- (a) Iklan dalam "Yellow Pages"
- (b) Seri iklan-iklan mingguan dalam majalah "Shopper"
- (c) Iklan dalam Berita Kampus keluaran Universiti Sains Malaysia.

Pilih satu dan bincangkan opsiyen yang paling sesuai untuk perniagaan mereka.

[25 markah]

Bahagian B

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

Soalan 4

Setelah tamat pengajian di USM anda telah mengambil keputusan untuk memulakan perniagaan kek serta penghantaran pintu ke pintu dengan caj serderhana. Bincangkan rancangan anda mengenai:

(a) rumusan pemasaran (marketing mix) yang paling berkesan untuk perniagaan anda.

[8 markah]

(b) rumusan promosional (promotional mix) yang sesuai dengan perniagaan ini.

[8 markah]

(c) satu rancangan membina imej jenama untuk kek dan perniagaan keseluruhannya.

[9 markah]

Soalan 5

Syarikat United Happy Stores pengedar buku berhampiran dengan Kampus USM sedang merancang perkhidmatan secara langsung untuk menyelesaikan masalah pembelian buku-buku pada setiap permulaan semester. Apakah nasihat anda kepada syarikat ini?

[25 markah]

Soalan 6

Anda telah dilantik sebagai Pengurus Produk untuk PUTIH, satu serbuk pencuci baru yang akan diperkenalkan dalam masa enam bulan. Apakah strategi promosi jualan yang paling sesuai untuk produk ini, dan jenis pengiklanan yang manakah dapat memperkukuhkan imej jenama PUTIH?

[25 markah]

---ooo000ooo---